PENDAKWA RAYA

lwn.

NAHENDREN A/L KRISHNASAMY

MAHKAMAH TINGGI, JOHOR BAHRU
DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 45-8-93]
7 OGOS 1995

UNDANG-UNDANG & PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Homisid salah tak terjumlah membunuh - Seksyen 304 cabang pertama Kanun Kesiksaan - Sabitan - Hukuman wajar - Samada wujud amalan untuk menjatuhkan hukuman di antara 8 hingga 10 tahun penjara - Pengakuan salah - Samada menjadi faktor utama untuk meringankan hukuman.*

[English *Translation of Catchwords]*

CRIMINAL LAW & PROCEDURE: *Sentencing - Culpable homicide not amounting to murder - Section 304 First limb Penal Code - Conviction - Proper sentence - Whether there exists practise of imposing sentence between 8 to 10 years imprisonment - Guilty plea - Whether a principal factor to lighten a sentence.*

Dalam kes ini tertuduh telah mengaku salah atas kesalahan melakukan homisid salah tak terjumlah membunuh di bawah s. 304 cabang pertama Kanun Kesiksaan. Selepas sabitan, soal yang berbangkit ialah tentang hukuman yang patut dijatuhkan terhadap tertuduh. Di hadapan yang arif Hakim, Peguam tertuduh berhujah bahawa tertuduh patut dijatuhkan hukuman di antara 8 hingga 10 tahun penjara oleh kerana, terdapat amalan dikalangan Mahkamah di Malaysia dan Singapura untuk menjatuhkan hukuman seperti itu bagi kesalahan yang sama. Kes *Public Prosecutor v. Ravindra a/l Rethinam & 5 Ors.* [1992] AMR 45 telah dipetik sebagai menyatakan wujudnya amalan yang sedemikian.

Diputuskan:

[1] Mahkamah tidak bersetuju dengan pendapat bahawa wujud amalan di Malaysia dan Singapura bahawa bagi kesalahan di bawah cabang pertama s. 304 Kanun Kesiksaan, Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama 8 hingga 10 tahun.

[2] Fakta bahawa tertuduh telah mengaku salah hanya merupakan satu faktor yang patut diambil kira oleh Mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman dan tidak seharusnya dijadikan sebagai faktor utama.

[3] Berdasarkan fakta dan autoriti-autoriti yang dirujukkan, hukuman 18 tahun penjara bermula dari tarikh tertuduh ditangkap pada 18 Jun 1990 adalah wajar. Tindakan tertuduh mendekati simati dengan membawa sebilah parang untuk menyoal simati menunjukkan ia telah berniat atau telah bercadang untuk mencederakan simati dengan parah. Ini juga menunjukkan ia bersedia untuk menggunakan kekerasan keatas simati untuk membalas dendam ke atas perkara yang tidaklah begitu serius yang berlaku diantara abangnya dan simati. Tertuduh juga telah menggunakan kekerasan yang melampaui, dan keganasan yang ditunjukkan oleh tertuduh apabila menetak simati beberapa kali menggambarkan bahawa tertuduh mempunyai sikap penjenayah yang bersedia membuat apa saja dan tidak mengenal belas kasihan.

[Hukuman sekadarnya].

Kes-kes yang dirujuk:
Public Prosecutor v. Ravindra a/l N Rethinam & 5 Ors. [1992] 1 AMR 45 ***(dirujuk)***
Sau Soo Kim v. Public Prosecutor [1975] 2 MLJ 134 ***(dirujuk)***
Mohamed Jusoh bin Abdullah v. Public Prosecutor [1947] MLJ 130 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor v. Safian bin Abdullah & Anor. [1983] 1 CLJ 324 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor v. Leo Say & 2 Ors. [1985] 2 CLJ 155 ***(diikuti)***
Abdul Karim v. R [1954] 20 MLJ 86 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Kerajaan Tempatan 1967
Akta Syarikat 1965
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Kanun Kesiksaan (N.M.B. Bab 45) ss. 302, 304

Bagi pihak pendakwa raya - Azman bin Abdullah, TPR
Bagi pihak tertuduh - Ananda Jothy a/l Ratnasingam (K. Ganasegran bersamanya); T/n. L. Pereira & Assoc.

PENGHAKIMAN

Mohd. Ghazali Mohd. Yusoff H:

Pada asalnya tertuduh telah didakwa melakukan kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Kesiksaan. Walau bagaimanapun pada tarikh perbicaraan, iaitu, 1 Ogos 1995, pihak pendakwaan telah meminda tuduhan itu kepada homisid salah tak terjumlah membunuh (culpable homicide not amounting to murder) di bawah cabang pertama s. 304 Kanun yang sama dan berikutnya tertuduh telah mengaku salah. Tuduhan pindaan itu berbunyi:

> Bahawa kamu pada 18 Jun 1990 jam lebih kurang 11.30 pagi di Jalan Estet, Mersing Kecil, di dalam Daerah Mersing, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah melakukan homisid salah tidak terjumlah kepada membunuh, dengan menyebabkan kematian seorang lelaki Cina bernama Yong Ah Moi @ Yong Nyuk Look k/p No. 2452138 dan dengan yang demikian telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 304 (limba pertama) Kanun Kesiksaan (NMB Bab 45).

Tertuduh telah mengakui fakta-fakta kes yang menunjukkan pada 18 Jun 1990 jam lebih kurang 11.30 pagi, semasa simati, iaitu, Yong Ah Moi, sedang membahagi air daripada sebuah lori tanker air kepada orang-orang tempatan di Jalan Estet, Mersing Kecil, Mersing, tertuduh telah pergi ke tempat tersebut dan menyoal simati tentang tindakan simati yang memukul abang tertuduh dengan sebatang besi pada sebelah pagi hari yang sama. Simati dan kelendan lori itu telah menjawab dengan kasar pertanyaan tertuduh dan akibat dari itu menimbulkan kemarahan tertuduh dan dengan menggunakan sebilah parang yang sedia dipegang ditangannya, tertuduh telah menetak kelendan simati di bahagian kepala dan selepas itu menetak simati pula beberapa kali.

Akibat daripada tetakan dengan parang itu oleh tertuduh ke atas simati, beliau telah meninggal dunia di tempat kejadian; tangan kiri simati telah terputus di atas paras siku dan simati juga mengalami luka yang dalam di bahagian pipinya hingga ke dagunya dan juga luka parah di bahagian perutnya yang mengakibatkan usus besarnya terburai keluar. Sebab kematian simati akibat daripada kecederaan parah ini disahkan oleh laporan bedah siasat yang dijalankan oleh pegawai perubatan, Hospital Daerah, Mersing.

Seterusnya, tertuduh telah menyerah diri di Balai Polis, Mersing dan telah membawa bersamanya parang yang digunakannya untuk menetak simati. Hasil daripada siasatan polis, didapati bahawa tindakan tertuduh menetak simati pada hari kejadian adalah berpunca daripada kemarahan tertuduh atas perbuatan simati menyerang abang tertuduh pada pagi hari kejadian kerana simati menuduh abang tertuduh telah melaporkan kepada Jabatan Bekalan Air, Mersing mengenai perbuatan simati yang tidak membahagikan air secara percuma kepada orang-orang tempatan di situ. Simati semasa itu telah mendapat kontrak daripada Jabatan Bekalan Air, Mersing untuk membekal air di kawasan Mersing kerana pada masa itu hampir tiga bulan daerah Mersing telah mengalami keadaan kemarau.

Peguam yang mewakili tertuduh telah membuat rayuan dan mendesakkan Mahkamah supaya meringankan hukuman dan faktor yang diutamakan olehnya ialah sikap simati menjawab soalan tertuduh dengan kasar telah radangkan tertuduh. Peguam berhujah tertuduh telah menyerah diri ke pihak polis sebaik sahaja ia melakukan kesalahan dan ini menggambarkan ia tidak bercadang melarikan diri; di samping itu, kesalahan telah dilakukan di tempat awam. Ia menjelaskan mangsa telah meninggal dunia akibat kehilangan darah. Seterusnya ia membuat rujukan kepada kes *Public Prosecutor v Ravindra a/l N Rethinam & 5 Ors.* [1992] 1 AMR 45 ms 224 di mana, mengenai hukuman-hukuman penjara yang dijatuhkan oleh Mahkamah-Mahkamah bagi kesalahan yang sama, Visu Sinnadurai J berkata (di ms 233):

> It therefore appears, that the practice in Malaysia and Singapore, as a general rule, is to impose a 8 to 10 years term of imprisonment for a similar offence: the Federal Court in *Tham Kai Yau* imposing a 10 years imprisonment where the accused had pleaded not guilty to a charge of murder and subsequently found guilty under the first limb of s. 304; the Singapore High Court imposing a 8-year term of imprisonment in *Tay Chuan Beng* and 10-year imprisonment in *Chot Saik Kam*.

Peguam kemudian membuat rujukan kepada dikta yang terdapat di dalam kes *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134 di mana Lee Hun Hoe CJ (Borneo) telah berkata (di ms 137):

> Whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilt should be treated as a mitigating factor. It not only saves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time and incovenience of many, particularly the witness.

Peguam tertuduh mendesakkan Mahkamah memberi pertimbangan sewajarnya mendasarkan autoriti-autoriti di atas. Akhirnya Peguam tertuduh menjelaskan tertuduh berumur 32 tahun semasa ia melakukan kesalahan dan bahawa ia masih seorang bujang; ia bekerja sebagai seorang pemborong kecil di dalam industri perumahan di Kampong Gajah, Mersing.

Di dalam ucapan balasnya, Timbalan Pendakwa Raya mendesakkan Mahkamah menjatuhkan hukuman yang berat ke atas tertuduh; ia menegaskan perbuatan tertuduh adalah kejam berbandingkan dengan perbuatan simati ke atas abangnya yang mana merupakan perkara kecil. Disamping itu abangnya sendiri tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap simati sebagai balasan. Seterusnya, Timbalan Pendakwa Raya membuat rujukan kepada dikta yang terdapat di dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah v. Public Prosecutor* [1947] MLJ 130 di mana Willan CJ berkata (di ms 131):

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of each individual case. In that respect we would draw attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set out in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Edition) vol. 9, para 365:

> The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the atecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.

Timbalan Pendakwa Raya kemudian berhujah hukuman adalah tertakluk kepada fakta-fakta yang terdapat di dalam sesuatu kes dan di samping itu juga, pada kebiasaannya, pesalah yang dipenjarakan akan diberi remitan satu pertiga bagi kelakuan baik. Ia kemudian merujuk kepada dikta yang terdapat di dalam kes *Public Prosecutor v. Safian bin Abdullah & Anor.* [1983] 1 CLJ 324 di mana Wan Yahya J (semasa itu) telah menjatuhkan hukuman penjara selama 14 tahun bagi kesalahan yang sama; Hakim berkata (di ms 326):

> As the sentences of 14 years' imprisonment on both accused persons are deemed to have commenced almost three years ago, from the date of their arrest, they will be required at the most to serve a total period of 11 years' imprisonment. However, with the usual one-third remission for good conduct, they may well be out of prison in less than eight years - a period of detention reasonably required for their reformation.

Selepas mendengar ucapan kedua-dua pihak dan setelah menimbangkan autoriti-autoriti yang dirujukkan, saya telah menjatuhkan hukuman penjara selama 18 tahun mulai daripada tarikh tertuduh ditangkap, iaitu, 18 Jun 1990, mendasarkan fakta-fakta yang terdapat di dalam kes ini. Apabila ia dimaklumkan oleh abangnya mengenai tindakan simati, tertuduh telah pergi untuk bertemunya. Saya berpendapat tindakan tertuduh mendekati simati dengan membawa sebilah parang untuk menyoal simati tentang kenapa ia memukul abangnya dengan sebatang besi menunjukkan ia telah berniat atau telah mencadang untuk mencederakan simati dengan parah. Ini juga menunjukkan ia bersedia untuk menggunakan kekerasan ke atas simati unuk membalas dendam keatas perkara yang tidaklah begitu serious. Apabila simati menunjukkan sikap kasar secara lisan, ia telah menetak tangan kiri simati dengan parang itu yang mengakibatkan sebahagian tangan simati terputus dan juga telah menetak simati dibahagian kepalanya dan perutuya. Keganasan yang ditunjukkan menggambarkan tertuduh mempunyai sikap penjenayah yang bersedia untuk membuat apa saja dan tidak mengenal belas kasihan.

Oleh itu, saya berpendapat hukuman penjara selama 18 tahun yang saya jatuhkan adalah tepat dan berpatutan dengan fakta-fakta yang terdapat memandangkan tertuduh telah menggunakan kekerasan ke atas simati yang melampau. Di samping itu, kesalahan di bawah cabang pertama s. 304 jatuh di bawah golongan kesalahan yang serious - seksyen ini memperuntukkan pesalah hendaklah disiksa dengan penjara yang boleh sampai 20 tahun. Seperti telah dikatakan oleh N.H. Chan J di dalam kes *Public Prosecutor v. Leo Say & 2 Ors.* [1985] 2 CLJ 155, di ms 161:

> I would be failing in my duty if I do not pass sentences which make it absolutely plain that those who indulge in such conduct do receive sentences of the utmost severity. The sentences should act as a warning to others not to take part in similar offences. Such conduct should not only be held in utter abhorrence by all ordinary men and women, but should receive, when brough to justice, the severest possible punishment.

Saya berpendapat hukuman penjara selama 18 tahun yang saya jatuhkan terhadap tertuduh tidak berlawanan dengan mana-mana prinsip undang-undang mengenai hukuman. Sebelum menjatuhkan hukuman saya telah juga memberi pertimbangan kepada beberapa fakta termasuk kepentingan awam, umur tertuduh, bentuk kesalahan dan tahap kekerasan yang ditunjukkan dan tempoh masa tertuduh berada di dalam penahanan ketika menunggu perbicaraan.

Seperti dibincangkan di atas, Peguam tertuduh telah membuat rujukan kepada dikta yang terdapat di dalam kes *Public Prosecutor v. Ravindra a/l N Rethinam & 5 Ors.* di mana Hakim berkenaan telah berpendapat, mendasarkan beberapa kes-kes yang dilaporkan, amalan di Malaysia dan Singapore adalah bagi kesalahan di bawah cabang pertama s. 304 Kanun Kesiksaan, Mahkamah menjatuhkan penjara selama 8 ke 10 tahun. Dengan hormatnya saya tidak bersetuju dengan pendapat itu bahawa adanya amalan sedemikian, misalnya, di dalam kes *Public Prosecutor v. Safian bin Abdullah & Anor.* (yang telah dirujuk di atas), Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 14 tahun bagi kesalahan yang sama. Saya berpendapat jika benarnya telah wujud satu amalan dari segi hukuman, ia seharusnya hanya terpakai bagi kesalahan-kesalahan liabiliti ketat, misalnya, kes-kes saman yang dilakukan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau kes-kes saman yang dilakukan di bawah undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1967.

Saya berpendapat fakta bahawa tertuduh telah mengaku salah hanya merupakan satu faktor yang hendaklah diambil kira oleh Mahkamah sebelum hukuman dijatuhkan dan tidak sepatutnya dijadikan faktor utama. Mengenai perihal ini saya lebih cenderung kepada dikta yang terdapat di dalam kes *Abdul Karim v. R* [1954] 20 MLJ 86 di mana Brown Ag. CJ berkata:

> In the matter of punishment, the "type of offence" is the concern of the Legislature, which has provided the maximum punishment which can be inflicted for a serious offence of that type. The particular offence, and the particular offender, are the concern of the Court, whose business it is to decide what punishment is merited upon the facts of the individual case within the limits which the Legislature has provided. Any tendency to standardise punishment for any type of offence is to be deplored because it means that the individual offender is being punished not upon the facts of his particular case but because he has committed an offence of that type.

Kesimpulannya saya berpendapat tertuduh perlu dipenjarakan selama tempoh 18 tahun supaya ia diberi masa secukupnya bagi pemulihan sebelum ia kembali ke masyarakat. Ia telahpun ditahan di dalam penjara semenjak 18 Jun 1990 dan hukuman penjara yang saya jatuhkan bermula daripada tarikh ia ditangkap dan ditahan. Ini bermakna, dengan remitan satu pertiga bagi kelakuan baik, ia akan dibebaskan dalam masa tempoh 7 tahun, iaitu, pada tahun 2002.